

Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

PROJEK MTEN PERTAMA DIRASMI

Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Petaling merupakan Projek Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) pertama yang telah dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur pada 25 September 2002. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Y.B.Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita Dan Keluarga, merangkap Ahli Parlimen Lembah Pantai.

Pada majlis tersebut seramai 20 keluarga daripada 349 keluarga daripada Kg. Pasir Dalam menerima kunci rumah dari Datuk Bandar Kuala Lumpur dan YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil. Semasa pemindahan ini, pihak Lebuhraya Baru Pantai (NPE) memberi saguhati berpindah sebanyak RM1,000 setiap keluarga dan menanggung bayaran sewa selama 2 tahun menyewa di PPR Desa Petaling. NPE juga akan membina rumah untuk dijual di Lembah Pantai dan memberi jaminan kepada penduduk yang terlibat untuk membeli rumah berkenaan. Kos pembinaan projek perumahan ini dibiayai oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM).

PPR Desa Petaling telah dibina di atas tanah seluas 4.5 ekar pada 1 April 1999 dan telah diserahkan kepada DBKL pada 22 Ogos 2002. PPR ini mempunyai 2 Blok (A&B) 18 tingkat, mengandungi 632 unit rumah. Selain kemudahan asas, perumahan ini juga dilengkapi dengan kemudahan 2 unit tadika, 2 unit surau, taman permainan kanak-kanak, 8 unit tempat letak kereta dan juga rumah sampah.

Selain keluarga seringan dari Kg. Pasir Dalam, perumahan ini juga akan menempatkan seramai 46 keluarga dari Kg. Sri Malaysia dan 232 keluarga dari Kg. Jambak dan Puchong yang mana terlibat dengan Projek PPR Bersepadu MTEN.



Y.Bhg Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd. Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur menyerahkan kunci rumah kepada salah seorang penduduk sambil diperhatikan oleh YB Dato' Seri Shahrizat Abdul Jalil.



Salah satu blok PPR Desa Petaling



Sebahagian penduduk sedang mendapatkan kunci rumah masing-masing.

Rencana Pengarang

Dewasa ini masalah kerapuhan dan keruntuhan institusi keluarga mendapat perhatian masyarakat. Kadar penceraian bagi tahun 2000 ialah sebanyak 13,501 kes berbanding tahun 1995 sebanyak 11,474 kes. Gejala sosial juga menjadi masalah yang amat serius dengan statistik agak tinggi.

Apakah tindakan kita sebagai masyarakat yang prihatin terhadap permasalahan ini?

Sebagai sebuah masyarakat yang penyayang, prinsip mengutamakan keluarga perlu dititikberatkan dengan menzahirkan kasih sayang dan memahami keperluan emosi yang tidak berbelah bagi. Di samping itu, meluangkan masa yang indah bersama keluarga dan kita juga harus bijak menyemarakkan kemesraan bersama. Komunikasi yang efektif dan aktif merupakan suatu elemen penting dalam urusan berinteraksi dan berkomunikasi. Jangan sesekali membiarkan keluarga kita ketandusan adat budaya dan nilai-nilai murni dalam menjalani rutin harian.

Ibu bapa yang cemerlang ialah ibu bapa yang memikul tanggungjawab bersama serta mengimbangi perhatian kepada keluarga dan tumpuan terhadap kerjaya.

Merancang dan mengurus sumber ekonomi dengan bijak, memberi perlindungan kepada keluarga dengan selesa, meningkatkan taraf pendidikan anak-anak serta mengamalkan gaya hidup yang sihat akan melahirkan sebuah keluarga yang kukuh, berakhlak, sihat, berilmu, berdaya tahan, beriman dan harmoni.

Pembangunan ekonomi tanpa diseimbangkan dengan pembangunan budaya, akan pincanglah masyarakat.

**UTAMAKAN KELUARGA
SEMAKIN HARI SEMAKIN SAYANG**

Jabatan Kerja Awam
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03-2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC
03-4045 3320

Direktorat Penguatkuasaan
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah Blok A
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03-2691 6011 samb. 3806/3868

Jabatan Pengangkutan Bandar
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,
Km.4, Jalan Cheras.
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.
03 - 2698 6989

Jabatan Pelesenan
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan
Tingkat Bawah,
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03 - 2691 6011

Hotline DBKL
03-4022 0033
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)
03-9284 3636/9284 3434
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam
Bhg. Hal Ehwal Awam
03-2699 3852/ 2697 7097

Hari Mesra Pelanggan
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)
9.00 pagi - 12 tengahari

Tele-Kaunseling Kuala Lumpur (24 jam)
Bebas Tol : 1800-882-600
No. Telefon : 03-2699 3930

Sidang Redaksi

Penasihat
Yusuf M. Ghazali Binti Othman
Ketua Editor
Rahmah Hashim Bin Hj. Mohd. Zain
Editor
Syed Yuddin Bin Ibrahim
Sub Editor
Humaira Binti Hj. Hashim
Suriyana Binti Ismail

Jurufoto
Mubarak Bin Mohd. Atan
Abd. Khani Bin Md. Shohor
Md. Ismail Bin Isnin

Cetakan
Unit Repografi
Jabatan Pengurusan Organisasi
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Alamat Editor
Berita Bandaraya
Bahagian Hal Ehwal Awam
Jabatan Pengurusan Organisasi
Tingkat 5, Bangunan DBKL
Atau berhubung dengan
Suriyana Binti Ismail
Tel: 03-2691 6011 samb. 3851
Faks: 03-2694 1373
E-mel: akhbbar@dbkl.gov.my

UNIT INTERNET BERGERAK

Perkhidmatan Unit Internet Bergerak (MIU) merupakan satu usaha di bawah program pembelajaran elektronik bagi membantu individu dan organisasi/ pertubuhan-pertubuhan khasnya guru-guru dan pelajar-pelajar di sekolah bagi memastikan kempen literasi komputer dan ICT dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Perpustakaan Kuala Lumpur merupakan perpustakaan pertama mengendalikan Program Internet Bergerak dan program ini adalah langkah pertama bagi guru-guru dan pelajar-pelajar menceburi alam siber dan memperoleh pengetahuan dan kemahiran asas dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat.

Konsep pembelajaran melalui perkhidmatan MIU adalah perkhidmatan maklumat komputer bergerak yang diusahakan oleh Perpustakaan Kuala Lumpur dengan kerjasama MIMOS Bhd. yang juga turut membantu dari segi menyediakan bahan latihan dan melatih kakitangan untuk mengendalikan perkhidmatan ICT secara percuma ke sekolah-sekolah menengah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.



Tujuan utama perkhidmatan MIU ini adalah untuk merapatkan jurang mereka yang kaya maklumat dengan golongan yang miskin maklumat di kalangan warga kota dan mengajar mereka menggunakan komputer dan literasi maklumat mengikut modul-modul yang disediakan.

Perkhidmatan MIU akan menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta memperkenalkan kaedah-kaedah baru mengumpul, memproses, menjana serta menyebarkan maklumat dan memastikan sesuai dengan keperluan pendidikan masa kini dan akan datang. Di samping itu, perkhidmatan MIU juga memberi peluang kepada pelajar, guru dan rakyat menghayati pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan melalui pembelajaran elektronik dan internet, malah dapat mengumpul, menganalisis dan menginterpretasikan data-data ICT yang berguna dan bermakna untuk perancangan program-program ICT yang strategik

untuk pembangunan negara.

Golongan sasaran utama ialah pelajar-pelajar sekolah menengah, persatuan-persatuan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan mereka yang berminat untuk mendalami pengetahuan dalam bidang IT. MIU menawarkan pelbagai pakej pembelajaran iaitu Microsoft Words, Microsoft Powerpoint, Internet, e-mel dan pembinaan laman web (asas).



Perkhidmatan ke salah sebuah sekolah di Jeli, Kelantan.

Bagi kemudahan perkhidmatan ke sekolah-sekolah dan kawasan perkhidmatan yang ditetapkan, 2 buah bas yang dilengkapi dengan 12 komputer dan pencetak disediakan. Sehingga tahun 2002, sebanyak 32 sekolah telah mendapat perkhidmatan MIU ini malah telah mengadakan beberapa siri program pengenalan ICT di luar Kuala Lumpur antaranya Sekolah Kebangsaan Tunjang, Jitra Kedah dan sekolah-sekolah rendah dan menengah dalam Parlimen Jeli, Kelantan.

Sehingga kini, program MIU telah berjaya dilaksanakan dari awal pengenalan sehingga tahun 2002 di seluruh Wilayah Persekutuan. Pelajar-pelajar mampu membangunkan laman web sendiri dan tahu kaedah mendapatkan maklumat dengan lebih berkesan, cepat dan tepat. 85% daripada keseluruhan pelajar yang mengambil bahagian berjaya mengikuti program pembelajaran yang ditetapkan.



Pelajar-pelajar sedang melayari internet di Unit Internet Bergerak.